

Tawar pengkhususan dalam bidang pertanian Tubuh Universiti Agropolitan

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Kerajaan berhasrat menubuhkan Universiti Agropolitan yang menawarkan pengkhususan dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Tajuddin Abdul Rahman berkata, cadangan itu juga merupakan hasil keprihatinan kerajaan yang mahu meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian.

Katanya, penubuhan universiti itu dilihat perlu memandangkan

Universiti Putra Malaysia (UPM) kini menawarkan banyak kursus lain selain bidang pertanian.

"Industri pertanian negara tidak pernah pudar, sebaliknya sentiasa hidup dengan pelbagai inisiatif yang ditawarkan kerajaan bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi.

"Sebab itu, kerajaan bercadang menubuhkan sebuah universiti yang memberi fokus dalam bidang



TAJUDDIN

pertanian dan seterusnya menjadi pusat ilmu dan teknologi terbaik untuk memajukan industri pertanian negara," katanya menjawab soalan tambahan **Senator Dr. Firdaus Abdullah** dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, ketika menjawab soalan asal **Senator Abdul Shukor Mohd. Sultan** berhubung

teknologi baharu pertanian yang dipperkenalkan kerajaan, Tajuddin memberitahu, Institut Penyelidikan

dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menghasilkan benih padi baharu MR220 CL1 dan CL2 yang dijangka dapat meningkatkan pengeluaran padi negara.

Kata beliau, kerajaan juga memperkenalkan kaedah siraman padi yang terbukti berjaya mengurangkan kos berbanding menggunakan sistem pengairan konvensional.

"Dahulu, kerajaan terpaksa membelanjakan ratusan juta ringgit untuk mengairi sawah padi, namun dengan kaedah siraman itu sudah pasti dapat membantu mengurangkan kos kerajaan," ujarnya.